'TEMPA ERA MEMBANGUN'



PANJI-PANJI Yang di-Pertuan Agong diarak keliling Stadium Merdeka oleh 1,500 pegawai dan anggota tentera bersekutu, sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, semalam. — Gambar Berita Harian oleh Lee Hon Yew.

Seri Paduka seru rakyat giat berusaha

KUALA LUMPUR, Rabu — Yang di-Pertuan Agong hari ini menyeru rakyat supaya berusaha dengan lebih giat untuk menempa satu era kemajuan dan pembangunan baru bagi negara.

Ini penting, memandangkan cabaran besar dihadapi oleh negara, seperti juga negara lain, untuk memulihkan ekonomi yang terancam akibat keadaan ekonomi tidak stabil, titah Seri Paduka di istiadat pengurniaan darjah kebesaran di balai rong seri, Istana Negara sempena hari keputeraan Seri Paduka.

Seri Paduka menambah titah, rakyat dan negara kini merasakan kesan keadaan itu, lebih-lebih lagi dengan terjejasnya harga-harga barang eksport.

"Oleh itu kita memerlukan tindakan tegas dan bijak dari negara-negara maju untuk mengatasi masalah ekonomi masyarakat dunia," tegas Seri Paduka.

Sementara negara lain tidak mempunyai kekuatan asas untuk mengatasi cabaran ini, negara ini masih mempunyai keupayaan dan sekurang-kurangnya mampu melindungi diri daripada sebahagian besar ancaman ini.

Sabar

Seri Paduka menyeru rakyat supaya tabah hati dan sabar menghadapi ujian ini. "Malah ancaman ini merupakan satu keadaan biasa di beberapa negara lain."

Seri Paduka juga berbangga dengan usaha Kerajaan meningkatkan nilai-nilai kerohanian serta menyemaikan sikap tanggungjawab yang berasaskan sifat bersih, cekap dan amanah di kalangan semua pihak.

"Beta yakin amalan bersih, cekap dan amanah di kalangan kita semua akan menjadikan kita bangsa dan negara maju, makmur dan bermaruah tinggi," titah Seri Paduka.

Seri Paduka juga mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua lapisan masyarakat, pasukan keselamatan dan anggota perkhidmatan awam di atas sumbangan mereka terhadap kemajuan, keselamatan dan keamanan negara.

Sebelum itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata negara masih tidak dapat mengelakkan diri daripada pengaruh kemerosotan ekonomi antarabangsa walaupun tindakan tegas diambil.

"Keadaan ini menjadi lebih genting lagi dengan sikap kurang simpati dan kejujuran setengah-setengah negara maju terhadap masalah yang dihadapi oleh dunia ketika ini."

"Memandangkan hakikat ini, kita terpaksa mengkaji semula keutamaan program-program dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk memelihara ekonomi negara dan mengurangkan kesan-kesan buruk," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus memberi perhatian dan keutamaan kepada program dan projek yang dijangka memberi faedah kepada rakyat.

Tindakan-tindakan tertentu juga sedang diambil ke arah mewujudkan satu etika kerja yang mementingkan disiplin dan kesungguhan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia